

**KEMPEN JOM AUTO LABUR ("Kempen")****Terma dan Syarat****Kelayakan**

1. Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197901003200 (47457-V)) ("ASNB").
2. Kempen ini bermula pada 1 September 2023 dan berakhir pada 31 Disember 2023 ("Tempoh Kempen"). ASNB berhak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula atau melanjutkan Tempoh Kempen atas budi bicara mutlaknya.
3. Kempen ini terbuka kepada semua pemegang unit ASNB baharu dan sedia ada kecuali semua kakitangan, pekerja dan keluarga terdekat (pasangan dan anak-anak) kepada kakitangan Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (No. Pendaftaran: 197801001190 (38218-X)) ("PNB") dan/atau entiti-entiti berikut yang mana terpakai:
  - i. PNB;
  - ii. ASNB;
  - iii. Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (No. Pendaftaran: 198801008611 (175967-W));
  - iv. PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (No. Pendaftaran: 200001015384 (517991-A));
  - v. PNB Research Institute Sdn. Berhad (No. Pendaftaran: 198501007000 (139442-U));
  - vi. Jewel Digital Ventures Sdn. Berhad (No. Pendaftaran: 201901007717 (1317044-M));
  - vii. Raiz Malaysia Sdn. Berhad (No. Pendaftaran: 201801021108 (1283127-W)); and
  - viii. Mana-mana syarikat dan/atau entiti lain yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah PNB/ASNB.
4. Objektif Kempen adalah untuk menggalakkan pemegang unit melabur secara konsisten dengan menetapkan pelaburan automatik setiap bulan sama ada untuk akaun sendiri, akaun minor (akaun Bijak/Remaja) dan/atau akaun pihak ketiga yang layak melalui perkhidmatan Auto Labur di portal dan aplikasi mudah alih myASNB ("Auto Labur").
5. Untuk layak menyertai Kempen ini, pelabur mesti memenuhi syarat-syarat berikut:
  - (i) Mesti membuat potongan melalui Auto Labur dengan jumlah berikut:
    - a) Potongan minimum bulanan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00) untuk pengguna Auto Labur baharu ("Pengguna Baharu"), atau
    - b) Penambahan minimum Auto Labur sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20.00) untuk pengguna sedia ada ("Pengguna Sedia Ada");
  - (ii) Pemotongan Auto Labur mestilah berjaya sekurang-kurangnya setelah satu (1) bulan daripada tarikh pendaftaran Auto Labur untuk Pengguna Baharu dan selepas membuat penambahan potongan kepada jumlah baharu untuk Pengguna Sedia Ada;

- (iii) Kemudahan Auto Labur boleh dilaksanakan untuk unit amanah Amanah Saham Bumiputera ("ASB") dan Amanah Saham Malaysia 2 - Wawasan ("ASM 2")\* ("Unit Amanah Yang Dibenarkan") dan sama ada untuk akaun unit amanah sendiri, akaun minor dan/atau akaun pihak ketiga yang layak;

*\*Tertakluk kepada unit-unit Bumiputera yang sedia ada.*

- (iv) Tiada jualan balik boleh dibuat ke atas Unit Amanah Yang Dibenarkan semasa Tempoh Kempen. Sebarang jualan balik yang dilakukan oleh Pengguna Baharu dan/atau Pengguna Sedia Ada daripada Unit Amanah Yang Dibenarkan akan membatalkan kelayakan Peserta daripada menyertai Kempen dan Penyertaan yang diterima akan turut terbatas.

6. Peserta Kempen merujuk kepada Pengguna Baharu atau Pengguna Sedia Ada yang mempunyai potongan Auto Labur dalam mana-mana Unit Amanah Yang Dibenarkan sama ada oleh mereka sendiri, penjaga berdaftar, dan/atau pihak ketiga yang layak ("Peserta").

### **Mekanisme Kempen**

1. Kelayakan untuk memperoleh dan mengumpul bilangan penyertaan ("Penyertaan") dalam Kempen ini adalah berdasarkan jumlah pelaburan, penambahan\*\* minimum Auto Labur dan pendaftaran\*\*\* ("Transaksi yang Layak") termasuk kelayakan untuk mendapat tambahan Penyertaan adalah seperti Jadual 1 berikut:

*\*\* Terpakai untuk Pengguna Sedia Ada sahaja.*

*\*\*\* Terpakai untuk Pengguna Baharu sahaja.*

Jadual 1: Kelayakan mata Penyertaan

<b>Kelayakan Untuk Mendapat Penyertaan</b>		<b>Bilangan Penyertaan</b>
Potongan Bulanan	RM50 - RM99	Sepuluh (10)
	RM100 - RM499	Lima Puluh (50)
	RM500 dan ke atas	Satu Ratus (100)
<b>Tambahan Penyertaan</b>		
Penambahan minimum Auto Labur sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20.00) untuk Pengguna Sedia Ada		+Tiga Puluh (30)
Pendaftaran^	Portal / aplikasi mudah alih myASNB	+Tiga Puluh (30)
	Tarikh khas (tertakluk kepada satu ratus (100) pendaftaran yang pertama sahaja)	+Lima Puluh (50)

*Nota:*

(i) "+" menandakan Penyertaan tambahan yang diterima.

(ii) "^" menandakan Penyertaan tambahan diperoleh satu (1) kali sahaja.

2. Pendaftaran baharu Auto Labur yang dilakukan pada tarikh tertentu yang akan ditetapkan oleh ASNB pada bila-bila masa ("Tarikh Khas") akan menerima tambahan sebanyak lima puluh (50) Penyertaan (seperti di Jadual 1).
3. Apabila Peserta layak menyertai Kempen ini, Peserta layak untuk cabutan rawak pemenang Kempen ("Pemenang") melalui sistem komputer yang dikendalikan oleh ASNB bagi memenangi hadiah yang ditawarkan.

## Simulasi Pengiraan Penyertaan

Penyertaan boleh diperolehi oleh Peserta semasa Tempoh Kempen melalui cara berikut:

<b>Contoh</b>	<b>Penerangan</b>	<b>Catatan</b>																							
1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Potongan Auto Labur bulanan semasa "Peserta A" untuk ASB (akaun sendiri) ialah Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30.00).</li> <li>Peserta A ingin menyertai Kempen dan membuat pertambahan amaun pelaburan Auto Labur sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20.00). Amaun baharu Auto Labur Peserta ialah Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00).</li> <li>Potongan Auto Labur Peserta A berjaya pada bulan berikutnya.</li> </ul>	<p>Peserta A layak mendapat jumlah Penyertaan seperti berikut:</p> <table border="1"> <tr> <td>Potongan Bulanan</td><td>Potongan bulanan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00) (iaitu jumlah potongan bulanan yang baharu)</td><td>10</td></tr> <tr> <td align="center" colspan="3"><b>Tambah Penyertaan</b></td></tr> <tr> <td>Penambahan Pelaburan Auto Labur</td><td>Peserta A adalah Pengguna Sedia Ada Auto Labur untuk ASB dan membuat penambahan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20.00)</td><td>30</td></tr> <tr> <td align="center" rowspan="2">Pendaftaran</td><td>Saluran</td><td>Tidak berkenaan kerana Peserta A adalah pengguna sedia ada Auto Labur untuk ASB</td></tr> <tr> <td>Tarikh Khas</td><td>Peserta A adalah pengguna sedia ada Auto Labur untuk ASB</td><td>0</td></tr> <tr> <td align="center" colspan="3"><b>Jumlah Penyertaan</b></td></tr> <tr> <td align="center" colspan="3"><b>40</b></td></tr> </table>			Potongan Bulanan	Potongan bulanan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00) (iaitu jumlah potongan bulanan yang baharu)	10	<b>Tambah Penyertaan</b>			Penambahan Pelaburan Auto Labur	Peserta A adalah Pengguna Sedia Ada Auto Labur untuk ASB dan membuat penambahan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20.00)	30	Pendaftaran	Saluran	Tidak berkenaan kerana Peserta A adalah pengguna sedia ada Auto Labur untuk ASB	Tarikh Khas	Peserta A adalah pengguna sedia ada Auto Labur untuk ASB	0	<b>Jumlah Penyertaan</b>			<b>40</b>		
Potongan Bulanan	Potongan bulanan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00) (iaitu jumlah potongan bulanan yang baharu)	10																							
<b>Tambah Penyertaan</b>																									
Penambahan Pelaburan Auto Labur	Peserta A adalah Pengguna Sedia Ada Auto Labur untuk ASB dan membuat penambahan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20.00)	30																							
Pendaftaran	Saluran	Tidak berkenaan kerana Peserta A adalah pengguna sedia ada Auto Labur untuk ASB																							
	Tarikh Khas	Peserta A adalah pengguna sedia ada Auto Labur untuk ASB	0																						
<b>Jumlah Penyertaan</b>																									
<b>40</b>																									
2	<ul style="list-style-type: none"> <li>Encik Arif berjaya mendaftar Auto Labur melalui aplikasi mudah alih myASNB untuk ASB anaknya ("Peserta B") dan pendaftaran dilakukan semasa Tarikh Khas.</li> <li>Dia membuat potongan bulanan sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00).</li> <li>Potongan Auto Labur Peserta B, iaitu anak kepada Encik Arif berjaya pada bulan berikutnya.</li> </ul>	<p>Peserta B layak mendapat jumlah Penyertaan seperti berikut:</p> <table border="1"> <tr> <td>Potongan Bulanan</td><td>Potongan bulanan sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00)</td><td>50</td></tr> <tr> <td align="center" colspan="3"><b>Tambah Penyertaan</b></td></tr> <tr> <td>Penambahan Pelaburan Auto Labur</td><td>Tidak berkenaan kerana Peserta B adalah Pengguna Baharu Auto Labur bagi ASB</td><td>0</td></tr> <tr> <td align="center" rowspan="2">Pendaftaran</td><td>Saluran</td><td>Peserta B adalah Pengguna Baharu Auto Labur bagi ASB</td></tr> <tr> <td>Tarikh Khas</td><td>Pendaftaran dibuat semasa Tarikh Khas dan Peserta B di antara 100 pendaftaran terawal</td><td>50</td></tr> <tr> <td align="center" colspan="3"><b>Jumlah Penyertaan</b></td></tr> <tr> <td align="center" colspan="3"><b>130</b></td></tr> </table>			Potongan Bulanan	Potongan bulanan sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00)	50	<b>Tambah Penyertaan</b>			Penambahan Pelaburan Auto Labur	Tidak berkenaan kerana Peserta B adalah Pengguna Baharu Auto Labur bagi ASB	0	Pendaftaran	Saluran	Peserta B adalah Pengguna Baharu Auto Labur bagi ASB	Tarikh Khas	Pendaftaran dibuat semasa Tarikh Khas dan Peserta B di antara 100 pendaftaran terawal	50	<b>Jumlah Penyertaan</b>			<b>130</b>		
Potongan Bulanan	Potongan bulanan sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00)	50																							
<b>Tambah Penyertaan</b>																									
Penambahan Pelaburan Auto Labur	Tidak berkenaan kerana Peserta B adalah Pengguna Baharu Auto Labur bagi ASB	0																							
Pendaftaran	Saluran	Peserta B adalah Pengguna Baharu Auto Labur bagi ASB																							
	Tarikh Khas	Pendaftaran dibuat semasa Tarikh Khas dan Peserta B di antara 100 pendaftaran terawal	50																						
<b>Jumlah Penyertaan</b>																									
<b>130</b>																									
3	<ul style="list-style-type: none"> <li>"Peserta C" berjaya mendaftar Auto Labur melalui portal myASNB untuk ASM 2 (akaun sendiri) dan pendaftaran dilakukan semasa Tarikh Khas.</li> <li>Dia membuat potongan bulanan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500.00).</li> <li>Potongan Auto Labur Peserta C, iaitu berjaya pada bulan berikutnya.</li> </ul>	<p>Peserta C layak mendapat jumlah Penyertaan seperti berikut:</p> <table border="1"> <tr> <td>Potongan Bulanan</td><td>Potongan bulanan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500.00)</td><td>100</td></tr> <tr> <td align="center" colspan="3"><b>Tambah Penyertaan</b></td></tr> <tr> <td>Penambahan Pelaburan Auto Labur</td><td>Tidak berkenaan kerana Peserta C adalah Pengguna Baharu Auto Labur bagi ASM 2</td><td>0</td></tr> <tr> <td align="center" rowspan="2">Pendaftaran</td><td>Saluran</td><td>Peserta C adalah Pengguna Baharu Auto Labur bagi ASM 2</td></tr> <tr> <td>Tarikh Khas</td><td>Pendaftaran dibuat semasa Tarikh Khas dan Peserta C bukan di antara 100 pendaftaran terawal</td><td>0</td></tr> <tr> <td align="center" colspan="3"><b>Jumlah Penyertaan</b></td></tr> <tr> <td align="center" colspan="3"><b>130</b></td></tr> </table>			Potongan Bulanan	Potongan bulanan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500.00)	100	<b>Tambah Penyertaan</b>			Penambahan Pelaburan Auto Labur	Tidak berkenaan kerana Peserta C adalah Pengguna Baharu Auto Labur bagi ASM 2	0	Pendaftaran	Saluran	Peserta C adalah Pengguna Baharu Auto Labur bagi ASM 2	Tarikh Khas	Pendaftaran dibuat semasa Tarikh Khas dan Peserta C bukan di antara 100 pendaftaran terawal	0	<b>Jumlah Penyertaan</b>			<b>130</b>		
Potongan Bulanan	Potongan bulanan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500.00)	100																							
<b>Tambah Penyertaan</b>																									
Penambahan Pelaburan Auto Labur	Tidak berkenaan kerana Peserta C adalah Pengguna Baharu Auto Labur bagi ASM 2	0																							
Pendaftaran	Saluran	Peserta C adalah Pengguna Baharu Auto Labur bagi ASM 2																							
	Tarikh Khas	Pendaftaran dibuat semasa Tarikh Khas dan Peserta C bukan di antara 100 pendaftaran terawal	0																						
<b>Jumlah Penyertaan</b>																									
<b>130</b>																									

<b>Contoh</b>	<b>Penerangan</b>	<b>Catatan</b>																																														
4	<ul style="list-style-type: none"> <li>Potongan Auto Labur bulanan semasa "Peserta D" untuk ASB (akaun sendiri) ialah Ringgit Malaysia Sembilah Puluh (RM90.00).</li> <li>Peserta D ingin menyertai Kempen dan membuat perambahaman amaun pelaburan Auto Labur sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20.00) untuk ASB. Amaun baharu Auto Labur Peserta ialah Ringgit Malaysia Satu Ratus Sepuluh (RM110.00).</li> <li>Peserta D juga melakukan pendaftaran Auto Labur baharu sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00) melalui aplikasi mudah alih myASNB untuk ASM 2 (akaun sendiri).</li> <li>Potongan Auto Labur untuk Peserta D untuk ASB dan ASM 2 berjaya pada bulan berikutnya.</li> </ul>	<p>Peserta D layak menerima Penyertaan untuk kedua-dua potongan Auto Labur ASB dan ASM 2 seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th colspan="3"><b>i) ASB</b></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Potongan Bulanan</td> <td>Potongan bulanan sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Sepuluh (RM110.00) (iaitu jumlah potongan bulanan yang baharu)</td> <td>50</td> </tr> <tr> <td align="center" colspan="3"><b>Tambahan Penyertaan</b></td> </tr> <tr> <td>Penambahan Pelaburan Auto Labur</td> <td>Peserta D adalah Pengguna Sedia Ada Auto Labur untuk ASB dan membuat penambahaman minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20.00)</td> <td>30</td> </tr> <tr> <td>Pendaftaran</td> <td> <table border="1"> <tr> <td>Saluran</td> <td>Tidak berkenaan kerana Peserta D adalah pengguna sedia ada Auto Labur untuk ASB</td> </tr> <tr> <td>Tarikh Khas</td> <td>Peserta D adalah pengguna sedia ada Auto Labur untuk ASB</td> </tr> </table> </td> <td>0</td> </tr> <tr> <td align="center" colspan="2"><b>Jumlah Penyertaan</b></td> <td><b>80</b></td> </tr> </tbody> </table> <table border="1"> <thead> <tr> <th colspan="3"><b>ii) ASM 2</b></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Potongan Bulanan</td> <td>Potongan bulanan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00)</td> <td>10</td> </tr> <tr> <td align="center" colspan="3"><b>Tambahan Penyertaan</b></td> </tr> <tr> <td>Penambahan Pelaburan Auto Labur</td> <td>Tidak berkenaan kerana Peserta D adalah Pengguna Baharu Auto Labur bagi ASM 2</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>Pendaftaran</td> <td> <table border="1"> <tr> <td>Saluran</td> <td>Peserta D adalah Pengguna Baharu Auto Labur for ASM 2</td> </tr> <tr> <td>Tarikh Khas</td> <td>Tidak berkenaan kerana pendaftaran bukan semasa Tarikh Khas</td> </tr> </table> </td> <td>0</td> </tr> <tr> <td align="center" colspan="2"><b>Jumlah Penyertaan</b></td> <td><b>40</b></td> </tr> </tbody> </table>			<b>i) ASB</b>			Potongan Bulanan	Potongan bulanan sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Sepuluh (RM110.00) (iaitu jumlah potongan bulanan yang baharu)	50	<b>Tambahan Penyertaan</b>			Penambahan Pelaburan Auto Labur	Peserta D adalah Pengguna Sedia Ada Auto Labur untuk ASB dan membuat penambahaman minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20.00)	30	Pendaftaran	<table border="1"> <tr> <td>Saluran</td> <td>Tidak berkenaan kerana Peserta D adalah pengguna sedia ada Auto Labur untuk ASB</td> </tr> <tr> <td>Tarikh Khas</td> <td>Peserta D adalah pengguna sedia ada Auto Labur untuk ASB</td> </tr> </table>	Saluran	Tidak berkenaan kerana Peserta D adalah pengguna sedia ada Auto Labur untuk ASB	Tarikh Khas	Peserta D adalah pengguna sedia ada Auto Labur untuk ASB	0	<b>Jumlah Penyertaan</b>		<b>80</b>	<b>ii) ASM 2</b>			Potongan Bulanan	Potongan bulanan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00)	10	<b>Tambahan Penyertaan</b>			Penambahan Pelaburan Auto Labur	Tidak berkenaan kerana Peserta D adalah Pengguna Baharu Auto Labur bagi ASM 2	0	Pendaftaran	<table border="1"> <tr> <td>Saluran</td> <td>Peserta D adalah Pengguna Baharu Auto Labur for ASM 2</td> </tr> <tr> <td>Tarikh Khas</td> <td>Tidak berkenaan kerana pendaftaran bukan semasa Tarikh Khas</td> </tr> </table>	Saluran	Peserta D adalah Pengguna Baharu Auto Labur for ASM 2	Tarikh Khas	Tidak berkenaan kerana pendaftaran bukan semasa Tarikh Khas	0	<b>Jumlah Penyertaan</b>		<b>40</b>
<b>i) ASB</b>																																																
Potongan Bulanan	Potongan bulanan sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Sepuluh (RM110.00) (iaitu jumlah potongan bulanan yang baharu)	50																																														
<b>Tambahan Penyertaan</b>																																																
Penambahan Pelaburan Auto Labur	Peserta D adalah Pengguna Sedia Ada Auto Labur untuk ASB dan membuat penambahaman minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20.00)	30																																														
Pendaftaran	<table border="1"> <tr> <td>Saluran</td> <td>Tidak berkenaan kerana Peserta D adalah pengguna sedia ada Auto Labur untuk ASB</td> </tr> <tr> <td>Tarikh Khas</td> <td>Peserta D adalah pengguna sedia ada Auto Labur untuk ASB</td> </tr> </table>	Saluran	Tidak berkenaan kerana Peserta D adalah pengguna sedia ada Auto Labur untuk ASB	Tarikh Khas	Peserta D adalah pengguna sedia ada Auto Labur untuk ASB	0																																										
Saluran	Tidak berkenaan kerana Peserta D adalah pengguna sedia ada Auto Labur untuk ASB																																															
Tarikh Khas	Peserta D adalah pengguna sedia ada Auto Labur untuk ASB																																															
<b>Jumlah Penyertaan</b>		<b>80</b>																																														
<b>ii) ASM 2</b>																																																
Potongan Bulanan	Potongan bulanan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00)	10																																														
<b>Tambahan Penyertaan</b>																																																
Penambahan Pelaburan Auto Labur	Tidak berkenaan kerana Peserta D adalah Pengguna Baharu Auto Labur bagi ASM 2	0																																														
Pendaftaran	<table border="1"> <tr> <td>Saluran</td> <td>Peserta D adalah Pengguna Baharu Auto Labur for ASM 2</td> </tr> <tr> <td>Tarikh Khas</td> <td>Tidak berkenaan kerana pendaftaran bukan semasa Tarikh Khas</td> </tr> </table>	Saluran	Peserta D adalah Pengguna Baharu Auto Labur for ASM 2	Tarikh Khas	Tidak berkenaan kerana pendaftaran bukan semasa Tarikh Khas	0																																										
Saluran	Peserta D adalah Pengguna Baharu Auto Labur for ASM 2																																															
Tarikh Khas	Tidak berkenaan kerana pendaftaran bukan semasa Tarikh Khas																																															
<b>Jumlah Penyertaan</b>		<b>40</b>																																														

### **Hadiah Kempen**

1. Kempen ini menawarkan dua (2) kategori hadiah iaitu Hadiah Bulanan dan Hadiah Utama ("Hadiah").
2. Pemenang tidak dibenarkan untuk memohon penggantian atau pengubahsuaian pada Hadiah yang dimenangi.
3. Hadiah yang dimenangi Pemenang tidak boleh ditukar dengan wang tunai.
4. Hadiah unit amanah ASNB adalah dalam bentuk unit amanah ASB atau ASM 2 dan ASNB berhak dan di atas budi bicara mutlaknya menggantikan hadiah dalam bentuk unit amanah harga tetap ASNB yang lain yang sama nilainya tertakluk kepada kelayakan pelaburan ke atas Pemenang.
5. Hadiah akan dikreditkan ke dalam akaun unit amanah Pemenang di mana Transaksi yang Layak berjaya dilakukan selepas enam puluh (60) hari dari tarikh pengumuman Pemenang.

6. Peserta layak menang SATU (1) kali sahaja dalam Tempoh Kempen tanpa mengira kategori Hadiah Bulanan atau Hadiah Utama.
7. Maklumat lanjut berkaitan Hadiah Bulanan dan Hadiah Utama yang ditawarkan adalah seperti berikut:

**a) Hadiah Bulanan**

- i) Hadiah Bulanan ditawarkan kepada Peserta yang layak yang merangkumi Pengguna Baharu dan Pengguna Sedia Ada yang membuat potongan Auto Labur semasa Tempoh Kempen melalui portal dan/atau aplikasi mudah alih myASNB. Potongan Auto Labur mesti memenuhi kriteria kelayakan Kempen ini.
- ii) Pemenang akan dipilih secara bulanan daripada Peserta yang layak berdasarkan cabutan secara rawak oleh sistem komputer yang dikendalikan oleh ASNB berdasarkan Transaksi Layak yang dilakukan oleh Peserta.
- iii) Hadiah Bulanan dan jadual pengumuman Pemenang adalah seperti Jadual 2 di bawah:

Jadual 2

Bulan	Pengumuman Pemenang	Jumlah Pemenang	Hadiah (unit amanah ASNB)
(1) September 2023	Disember 2023	Satu Ratus (100)	Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00)
(2) Oktober 2023	Januari 2024	Satu Ratus (100)	Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00)
(3) November 2023	Februari 2024	Satu Ratus (100)	Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00)
(4) Disember 2023	Mac 2024	Satu Ratus (100)	Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00)

**b) Hadiah Utama**

- i) Hadiah Utama ditawarkan kepada Peserta yang layak sepanjang Tempoh Kempen.
- ii) Pemenang Hadiah Utama akan dipilih secara rawak oleh sistem komputer yang dikendalikan oleh ASNB berdasarkan Transaksi Layak yang dilakukan oleh Peserta.
- iii) Peserta yang telah memenangi Hadiah Bulanan tidak layak untuk pemilihan Hadiah Utama.
- iv) Pemenang untuk Hadiah Utama akan diumumkan pada bulan **MAC 2024**.
- v) Hadiah dan bilangan Pemenang untuk Hadiah Utama adalah seperti berikut:

Jadual 3

Hadiah Utama	Jumlah Pemenang	Hadiah
Pertama	Satu (1)	"Target Investment Plan" bertempoh dua (2) tahun bernilai Ringgit Malaysia Tiga Pulu Ribu (RM30,000.00) ^

<b>Hadiah Utama</b>	<b>Jumlah Pemenang</b>	<b>Hadiah</b>
Kedua	Dua (2)	"Target Investment Plan" bertempoh dua (2) tahun bernilai Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000.00) ^
Ketiga	Empat (4)	"Target Investment Plan" bertempoh dua (2) tahun bernilai Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00) ^
Saguhati	Dua Ratus (200)	Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) unit amanah ASNB

<sup>^</sup> "Target Investment Plan" adalah hadiah adalah dalam bentuk unit amanah harga tetap ASNB di mana amaun ini tertakluk kepada tempoh kontrak pelan pelaburan tersebut, yang mana hadiah perlu dikenakan/diblok dalam akaun Pemenang selama dua (2) tahun.

### **Pemilihan Pemenang**

1. Hadiah akan diberikan kepada pemegang akaun sebagai Pemenang terpilih.
2. Senarai Pemenang akan dimaklumkan oleh pihak ASNB melalui mana-mana kaedah komunikasi yang bersesuaian dan akan disiarkan di laman web ASNB ([www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)) atau platform media sosial yang diuruskan oleh ASNB.
3. Sekiranya seseorang Pemenang tidak memberi maklum balas dan/atau memenuhi sebarang keperluan berkaitan urusan hadiah dalam tempoh yang ditetapkan selepas dihubungi oleh ASNB melalui sebarang saluran komunikasi yang bersesuaian, ASNB berhak membatalkan kemenangan tersebut dan Pemenang akan kehilangan dan melepaskan kesemua tuntutan Hadiah.

### **Lain-lain Terma dan Syarat**

1. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta telah bersetuju dengan terma dan syarat Kempen ini. Keputusan ASNB, sebagai penganjur, adalah muktamad dan sebarang rayuan dan/atau pertikaian tidak akan dilayan.
2. Peserta juga bersetuju bahawa melalui penyertaan mereka di dalam Kempen ini, Peserta membenarkan ASNB dan ASNB berhak untuk menggunakan nama, butiran peribadi dan gambar Peserta dan/atau Pemenang untuk tujuan pemasaran, pengiklanan dan publisiti, menurut peruntukan perundangan berkaitan, tanpa membayar sebarang kos atau pampasan.
3. Semua Pemenang Kempen ini bertanggungjawab ke atas segala cukai, kadar, fi atau sebarang bayaran yang mungkin dikenakan ke atas mereka menurut undang-undang berkaitan dengan hadiah-hadiah dan Kempen ini.
4. ASNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kerugian, samada secara langsung atau tidak langsung, yang berlaku berkaitan dengan Kempen ini. ASNB juga tidak boleh dipertanggungjawabkan jika berlaku sebarang kejadian bencana semula jadi, perperangan, rusuhan, mogok, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang kejadian yang di luar kawalan ASNB.
5. ASNB berhak untuk meminda, memendekkan, membatal, menggantung atau menamatkan Kempen ini secara keseluruhan atau sebahagian atau untuk mengubah, memadam atau

menambah mana-mana terma dan syarat Kempen ini pada bila-bila masa, tanpa pemberitahuan terlebih dahulu kepada Peserta.

6. ASNB berhak untuk menarik semula/membatalkan penyertaan mana-mana Peserta yang tidak mematuhi terma dan syarat seperti yang dinyatakan dan/atau didapati atau disyaki telah mengganggu proses Kempen atau perjalanan Kempen ini. Gangguan yang dimaksudkan merangkumi kegiatan penipuan yang melibatkan sebarang tipu daya, penipuan dan/atau pemalsuan berkaitan dengan Kempen.
7. ASNB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang ditanggung oleh Peserta yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penglibatan Peserta dalam Kempen ini.
8. Para Peserta dianggap telah mendapatkan persetujuan daripada pihak ketiga terbabit di mana pilihan Auto Labur bagi akaun pihak ketiga tersebut telah diaktifkan oleh Peserta. ASNB tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku pertikaian di antara Peserta dan pihak ketiga terbabit.
9. Terma dan syarat Kempen ini akan mengatasi mana-mana peruntukan atau kenyataan berkaitan Kempen ini yang terkandung dalam mana-mana bahan-bahan promosi samada bercetak atau elektronik.
10. Terma dan syarat Kempen ini tertakluk pada undang-undang Malaysia.
11. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau konflik di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu bagi terma dan syarat Kempen ini, versi Bahasa Inggeris akan terpakai.